



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
KERJA KURSUS INDIVIDU

KURSUS	: KEMAHIRAN VOKASIONAL DALAM PENDIDIKAN KHAS
KOD KURSUS	: PPK222
PENSYARAH	: OSMAN BIN HASHIM
PENILAIAN	: JULAI
TARIKH	: 17 JULAI 2021 – 23 JULAI 2021

NAMA CALON : CHRISALYN BULAN CHRISTOPHER
NO MATRIK : 145719

ARAHAN KEPADA CALON

1. Esei ini sebagai gantian peperiksaan.
2. Tugasan esei ini terdiri daripada dua (2) soalan dan jawab kesemua soalan..
3. Mesti berilmiah dan memasukkan rujukan-rujukan yang tepat menggunakan APA.
4. Guna *Font* ‘Times New Roman’, saiz 12 dan dengan *spacing* 1.5.
5. Jawapan bagi setiap soalan sebanyak 900 – 1200 patah perkataan.
6. Jawapan di dalam bentuk word/pdf format.
7. Amalan plagiarism dan meniru tidak dibenarkan sama sekali.
8. Esei yang telah lengkap perlu dihantar pada 23 Julai 2021.

SILA BACA, FAHAMU DAN PATUHI SEMUA ARAHAN

TAJUK ESEI GANTIAN PEPERIKSAAN PPK 222 KEMAHIRAN VOKASIONAL
DALAM PENDIDIKAN KHAS PENSYARAH: OSMAN BIN HASHIM

Kertas peperiksaan ini mengandungi dua (2) soalah esei. Jawab kesemua soalan yang diberikan.

1. (i) Terangkan mengenai kemahiran keusahawanan dalam kalangan Murid Berkeperluan Khas (MBK) dan bagaimana kemahiran keusahawanan itu boleh diterapkan dalam Pendidikan Vokasional untuk MBK di sekolah.

(25 markah)

Keusahawanan mempunyai pelbagai definisi yang berbeza dan dikemukakan oleh ahli-ahli sarjana dalam bidang keusahawanan. Menurut Barjoyai (2000), keusahawanan dikaitkan dengan nilai, pengetahuan, sikap dan kemahiran yang membolehkan seseorang individu mampu dan cekap untuk mencari, merebut peluang dan menterjemahkan input yang diperolehi kepada strategi dan usaha perniagaan bagi mendapatkan keuntungan. Ia juga boleh dirumuskan sebagai minat dan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap risiko. Namun begitu dalam konteks pendidikan keusahawanan ia merujuk kepada satu proses untuk mendapatkan dan memberikan ilmu pengetahuan serta kemahiran mengenai kegiatan yang dilakukan oleh usahawan melalui pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas (Nor Aishah Buang, 2006). Selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rancangan Malaysia Ke-9 yang menekankan pembangunan modal insan, keusahawanan dilihat sebagai bidang yang tepat dan berpotensi untuk melahirkan murid yang berjiwa kental dan kompetitif. Oleh itu, pendedahan awal telah diberikan melalui kurikulum. Di mana penekanan diberikan melalui mata pelajaran berorientasikan keusahawanan seperti prinsip akaun (arus perdana) dan pendidikan vokasional bagi murid berkeperluan khas.

Seiring dengan pendedahan awal terhadap kemahiran keusahawanan dalam pendidikan, terdapat beberapa elemen keusahawanan yang perlu dipenerapan di dalam diri murid. Hal ini demikian bertujuan supaya elemen ini menjadi budaya dalam kehidupan seharian mereka melalui aktiviti yang dijalankan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Elemen keusahawanan yang pertama ialah mengamalkan sikap keusahawanan. Antara sikap keusahawanan yang ingin diterapkan adalah bertanggungjawab terhadap keputusan, peka kepada peluang, berani mengambil risiko, sanggup belajar dari kesilapan dan kreatif serta inovasi. Apabila murid sentiasa mengamalkan ciri-ciri seperti ini, ia akan menjadi budaya dalam diri mereka. Perkara ini sekaligus mempengaruhi tingkah laku yang menentukan kejayaan seseorang murid di masa hadapan. Elemen yang kedua adalah mengamalkan cara berfikir ke arah keusahawan dalam situasi yang

diperlukan. Dalam elemen kedua murid hendaklah sentiasa berfikiran kritis, kreatif dan inovatif. Hal ini demikian bagi membantu murid mengenalpasti peluang di sekeliling mereka. Perkara ini juga penting bagi menjamin daya tahan mereka untuk bertahan dalam usaha mereka. Elemen yang ketiga adalah mengamalkan cara-cara pengurusan atas jual beli yang mudah. Dimana elemen ketiga ini melibatkan proses seperti merancang, melaksana, memantau dan menilai pelaksanaan sesuatu projek dengan teliti. Perkara ini boleh diamalkan dalam kehidupan sebenar iaitu seperti menguruskan wang dalam perbelanjaan harian dan transaksi jual beli mudah harian. Elemen keempat adalah menghasilkan produk berdasarkan pengetahuan serta kemahiran teknologi dan vokasional. Dimana murid mengaplikasikan semula perkara yang dipelajari semasa pdp. Kemudian produk yang dihasilkan mampu berdaya saing dengan produk yang lain dan menggalakkan produk dikomersialkan. Elemen yang terakhir adalah mengamalkan nilai moral dan etika yang baik dalam konteks keusahawanan. Dimana murid akan berpegang pada lima prinsip iaitu prinsip tanggungjawab sosial, keadilan, hak manusia, autonomi dan ketelusan. Melalui prinsip ini, murid akan mempunyai integriti dan tingkah laku baik terhadap orang sekeliling.

Dalam Pendidikan Vokasional, terdapat tiga jenis pendekatan yang boleh digunakan untuk menerapkan nilai keusahawana dalam diri murid. Pendekatan-pendekatan tersebut adalah pendekatan penyebatian, pengintegrasian dan pengaplikasian. Guru bebas memilih pendekatan yang ingin digunakan sesuai dengan aktiviti yang dijalankan. Penyebatian merupakan satu unsur yang digunakan dalam kemahiran berfikir. Dimana ia adalah perkara atau pemikiran yang melibatkan aktiviti menyusun idea dan membuat kesimpulan untuk mendapatkan ilmu atau kemahiran baru dalam menyelesaikan masalah. Berdasarkan definisi ini, pendekatan penyebatian merupakan pendekatan yang paling sesuai untuk dipilih. Hal ini demikian kerana, pendekatan ini berfokus ke arah keusahawanan. Ia juga boleh digunakan dalam pelbagai bahagian semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Iaitu dari set induksi, langkah 1, 2 dan seterusnya rumusan. Contoh aktiviti yang menggunakan pendekatan ini adalah aktiviti pdp bagi subjek Bahasa Melayu (Kebudayaan-Makanan Kita) di mana ia melibatkan aktiviti secara terus iaitu main peranan antara penjual dan pembeli makanan di kantin sekolah.

Seterusnya, pendekatan pengintegrasian. Pendekatan ini adalah pendekatan yang sesuai digunakan bagi aktiviti yang topik pembelajarannya adalah tidak ke arah atau tidak tertumpu pada keusahawanan. Namun begitu, guru masih boleh menerapkan elemen keusahawan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan. Dimana guru meminta pandangan murid terhadap situasi-situasi yang berkaitan dengan keusahawanan. Contoh pendekatan pengintegrasian adalah dalam subjek Bahasa Inggeris. Dimana topik yang diajarkan adalah tidak berkaitan dengan keusahawanan namun, elemen keusahawanan diterapkan semasa pdp. Sebagai contoh, guru memperdengarkan bunyi-bunyi dari pelbagai haiwan dan murid diminta untuk meneka bunyi tersebut. EK 1 iaitu daya kreativiti dan inovasi telah diterapkan. Hal ini demikian kerana murid memerlukan EK 1 untuk menjawab soalan dengan baik.

Akhirnya, pendekatan pengaplikasian. Bagi pendekatan ini, proses pengajaran dan pembelajaran adalah dilaksanakan mengikut seperti yang dirancang oleh guru. Dimana guru memainkan peranan utama

untuk mengerakkan pdp. Namun begitu, setelah objektif pembelajaran pada hari tersebut tercapai, guru boleh mengaplikasikan hasil pembelajaran tersebut dengan mana-mana elemen keusahawanan yang berkaitan. Dimana guru boleh menghubungkaitkan situasi keusahawanan sebenar dengan perkara yang telah dipelajari. Contoh pendekatan pengaplikasian dalam menerapkan elemen keusahawan boleh diterapkan bagi subjek muzik (menyayi mengikut tempo). Dimana murid diajar tempo cepat dan lambat serta menggunakan dua lagu yang berbeza. Kemudian, apabila objekif pembelajaran telah dicapai, guru boleh berosal jawab bersama murid mengenai bagaimana lagu yang mempunyai tempo lambat boleh dipercepatkan dan sebaliknya. Jadi, murid akan menggunakan EK 2 (memerhati persekitaran) untuk menjawab soalan guru. Ia akan menjadi lebih menyeronokkan bila murid diberi kebebasan untuk melahirkan kreativiti masing-masing.

Kesimpulannya, kemahiran keusahawanan amat penting dalam melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kemahiran keusahawanan penting kerana terdapat pelbagai ilmu diperolehi. Terutamanya ilmu yang boleh digunakan di dalam kehidupan sebenar. Dengan adanya ilmu keusahawanan juga, mampu merangsang pembangunan ekonomi, meningkatkan sosio ekonomi dan menyumbang peluang pekerjaan di Malaysia. Jadi, dengan adanya nilai atau asas keusahawanan dalam diri individu, maka individu layak untuk mengembangkan potensi ke arah yang lebih baik.

(ii) Bincangkan mengenai kolaborasi antara agensi dan kepentingannya terhadap kejayaan MBK dalam berkerjaya.

(25 markah)

Pendidikan Khas ialah pendidikan yang disediakan khusus bagi murid berkeperluan khas. Pendidikan khas ini diwujudkan di sekolah-sekolah khas, sekolah yang melaksanakan pendidikan inklusif (PPKI), sekolah rendah, sekolah menengah atau pendidikan lepas menengah (Akta Pendidikan Khas, 1996). Individu yang mempunyai masalah seperti masalah pembelajaran, penglihatan, pendengaran, kurang upaya fizikal dan kepelbagaian masalah boleh memohon untuk bersekolah di sekolah pendidikan khas. Hal ini demikian bagi menjamin murid tidak ketinggalan dan keciran dalam pelajaran. Bagi memastikan kejayaan MBK, terdapat banyak kolaborasi telah dijalankan dengan pelbagai pihak. Tidak kira pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Hal ini demikian kerana, setiap agensi membawa kepada sumbangan yang berbeza demi kepentingan MBK dalam kerjaya kelak.

Antara agensi yang terlibat dengan pendidikan khas adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah satu badan yang diwujudkan untuk membantu individu-individu berkeperluan khas. Namun begitu, terdapat syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi ini. Antara syarat yang ditetapkan adalah, hanya individu yang mendaftar di bawah JKM sahaja yang layak untuk mendaftar bantuan yang diberikan. Tujuan perkhidmatan ini adalah untuk membantu golongan kelainan upaya agar mereka boleh lebih berdikari demi kelangsungan hidup mereka di masa depan. Dengan bantuan yang diberikan oleh pihak JKM, telah mampu melahirkan golongan kelainan upaya yang lebih produktif. Hal ini demikian kerana, kad pengenalan kelainan upaya membantu mereka untuk mendapatkan perkhidmatan awam dengan lebih cepat dan membuka peluang pekerjaan bagi mereka di sektor awam mahupun swasta.

Selain pihak kerajaan, pihak bukan kerajaan (NGO) juga banyak membantu dalam usaha meningkatkan dan menjaga kebajikan golongan kelainan upaya. Mereka malah bertungkus-lumus membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung tanpa mengharapkan perbelanjaan dari pihak kerajaan. Mereka juga sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi memastikan aktiviti yang dirancang berjalan dengan lancar. Kolabari NGO memberi nafas baharu bagi membangunkan golongan kealinan upaya. Halnini demikian kerana aktiviti mereka mesra pengguna. Dimana aktiviti mereka melibatkan pelbagai pihak seperti ibubapa, giru, pihak sekolah mahupun kementerian pelajaran sendiri. Aktiviti seperti kempen-kemlen yang dianjurkan oleh mereka juga banyak membuka mata masyarakat untuk menerima golongan ini. Contoh NGO yang sering kita lihat penglibatan mereka di negara ini ialah Persatuan Kanak-kanak Spastik (Spastic Children's Association). Persatuan ini menyediakan intervensi awal bagi kanak-kanak kerencatan mental dalam lingkungan umur 2-16 tahun. Pusat Bimbingan Sinaran Matahari pula memberikan pendedahan kepada kanak-kanak mengenai kemahiran hidup dan kemahiran sosial.

Seterusnya adalah kolaborasi antara pakar perubatan. Antara pakar perubatan yang terlibat dalam kolaborasi ini ialah pediatrik, neurologi, pakar terapi, audiologi dan oftalmologi. Pakar-pakar perubatan ini terdiri daripada pelbagai kepakaran. Hal ini demikian kerana, terdapat pelbagai punca dari segi kesihatan

yang membawa kepada cara penyelesaian terbaik bagi individu. Namun begitu, kepakaran yang berbeza yang dimiliki oleh kakitangan perubatan membawa kepada satu matlamat sahaja iaitu untuk membantu mengenal pasti punca kecacatan yang dialami. Kemudiannya akan memberikan cadangan rawatan yang sesuai mengikut keperluan. Mereka juga merupakan insan yang sangat penting dalam usaha untuk mengesahkan kelainan upaya yang dialami. Hal ini demikian kerana, pakar perubatan merupakan individu pertama yang dirujuk oleh ibubapa apabila berlaku perkara seperti. Ibubapa juga lebih mempercayai pengesahan dari pihak perubatan. Oleh itu, pihak perubatan hendaklah menjalankan tanggungjawab dan diagnosis dengan sebaik mungkin terhadap kanak-kanak. Hal ini demikian supaya informasi yang disampaikan kepada ibubapa adalah tepat dan mereka dapat memahami serta menerima keadaan anak-anak mereka.

Jadi, dengan adanya kolaborasi dengan pelbagai pihak, terdapat pelbagai kepentingan yang diperolehi. Antaranya ialah memudahkan kebajikan kanak-kanak kelainan upaya dijaga. Hal ini demikian kerana, dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, kemungkinan untuk kebajikan kanak-kanak keciciran adalah kurang. Lebih mudah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Perkara ini adalah kerana, setiap agensi akan saling memperingati antara satu sama lain dan berganding bahu dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan yang timbul.

Hubungan kolaborasi ini juga penting untuk merangka program pendidikan kepada kanak-kanak. Dimana aktiviti yang menarik dan mantap dari segi pelaksanaannya dapat dilakukan. Pengisian bagi aktiviti yang dilaksanakan adalah dari pelbagai pihak. Melalui cara ini kualiti dari segi pengisian untuk melahirkan kanak-kanak berkeperluan khas yang berpengetahuan akan tercapai. Program yang dirangka bukanlah hanya sekadar tangkap muat namun hendaklah merangkumi pelbagai aspek yang penting. Terutamanya yang melibatkan perkembangan pendidikan khas di Malaysia. Melalui program ini kanak-kanak akan dapat dilatih kemahiran dan kemudahan peralatan dalam pembelajaran.

Kesimpulannya, kolaborasi pelbagai pihak sangat penting dalam usaha untuk membantu individu kelainan upaya. Oleh itu, kerjasama semua pihak adalah sangat digalakkann. Hal ini demikian kerana, setiap Kerjasama yang dilakukan mempunyai kebaikan dan kelemahan masing-masing. Namun begitu, dengan adanya pelbagai pihak yang sedia saling membantu, maka kelemahan tersebut akan dapat diatasi. Malahan, pasti membawa banyak kepentingan kepada negara mahupun individu itu sendiri. Hal ini demikian kerana, setiap individu kelainan upaya mempunyai bakat yang perlu digilap dalam diri mereka. Dengan bakat yang mereka miliki, di masa depan mereka pasti mampu meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berdepan dengan dunia sebenar dan berjaya seperti individu normal lain.

2. Bina 1 (SATU) Rancangan Pengajaran Harian (RPH) untuk mengajar kemahiran vokasional kepada MBK.

(50 markah)

Masa : 9.30-10.00 **Mata Pelajaran** : Kemahiran Hidup (Akuakultur)

Tingkatan : 1 Universal **Bilangan Pelajar** : 8

Aras Murid : Rendah dan sederhana

Tajuk Umum : Akuakultur ternakan ikan

Standard Kandungan : 1.0 Mengenali asas akuakultur ternakan ikan

Objektif Am : 1.1 Mengenalpasti bidang akuakultur ternakan ikan

Objektif Khusus : Pada akhir pengajaran, murid dapat:

- a. Menyenaraikan sekurang-kurangnya 2 bidang akuakultur ternakan ikan
- b. Menyatakan sekurang-kurangnya 2 jenis ikan hiasan
- c. Menyenaraikan sekurang-kurangnya 2 ikan air tawar

Penerapan Nilai : Kerjasama dan mendengar arahan

Pengetahuan Sedia Ada : Murid dapat memahami arahan lisan dan pernah memelihara atau memancing ikan

Bahan Bantu Mengajar : Papan tulis, gambar, tayangan video

Rujukan Guru : Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dan buku teks Tingkatan 1 Asas Akuakultur

MODEL KPPB : Model Reka Bentuk Pembelajaran Bermakna

LANGKAH	ISI KANDUNGAN	AKTIVITI GURU	AKTIVITI MURID	CATATAN
Set Induksi (5 minit)		1. Guru memainkan video lagu Ikan Kekek (Mimi dan Alif) dan meminta murid ikut menyanyi sambil membuat gaya.	1. Murid menonton tayangan video yang guru tayangkan menggunakan aplikasi youtube. 2. Murid diminta menyanyi bersama guru sambil mengikut guru membuat gaya.	Strategi: 1.Pendekatan berpusatkan bahan Pendekatan: 2.Pendekatan berpusatkan murid 1.Pendekatan induktif

		 <p>https://www.youtube.com/watch?v=Dezy-s2x6jI</p>		<p>Kaedah :</p> <p>1.Tunjuk cara</p> <p>Kemahiran Mengajar:</p> <p>1.Kemahiran set induksi</p> <p>BBM:</p> <p>1.Video youtube</p> <p>2.Pembesar suara</p> <p>Penerapan Nilai:</p> <p>1.Bersemangat/motivasi</p> <p>2. Berfikiran kreatif dan kritis</p> <p>3.Fokus/memberi tumpuan</p> <p>4. Menarik perhatian</p>
Langkah 1 (3 minit)	<p>1.1 Mengenal pasti bidang akuakultur ternakan ikan</p> <p>1.1.1 Menyatakan bidang akuakultur</p>	<p>1. Guru memberi penerangan secara umum mengenai asas bidang akuakkultur kepada murid</p> <p>2. Guru memberi gambaran dan contoh hidupan akuakultur yang</p>	<p>1. Murid memberi perhatian dan bertanya soalan</p> <p>2. Murid menjawab soalan secara umum berdasarkan</p>	<p>Strategi :</p> <p>1.Pendekatan berpusatkan bahan</p> <p>2.Pendekatan berpusatkan murid</p> <p>Pendekatan:</p> <p>1.Pendekatan induktif</p>

	1.1.2 Menyatakan kepentingan bidang akuakultur	hendak dipelajari secara umum 3. Guru menjelaskan kepentingan bidang akuakultur	pengetahuan yang sedia ada mengenai akuakultur	Kaedah : 1. Soal jawab Kemahiran Mengajar: 1. Kemahiran menerang BBM: 1. Video animasi 2. Gambar rajah Penerapan Nilai : 1. Hormat menghormati 2. Berkerjasama
Langkah 2 (5 minit)	1.1 Mengenal pasti bidang akuakultur ternakan ikan 1.1.3 Menyatakan jenis-jenis akuakultur ternakan ikan	1. Guru akan memaparkan beberapa keping gambar ikan yang terdiri daripada ikan hiasan, ikan air tawar dan ikan marin 2. Guru meminta murid untuk meneka ikan mengikut jenis yang disenaraikan. 3. Guru memberi penerangan kepada murid tentang jenis-jenis ikan	1. Murid melihat kepingan gambar yang berwarna yang ditunjukkan oleh guru. 2. Murid menjawab soalan guru berkaitan jenis ikan yang ada pada kepingan gambar. 3. Murid mula memahami bahawa setiap warna pada kepingan gambar menentukan jenis atau	Strategi: 1. Berpusatkan murid 2. Berpusatkan bahan Pendekatan: 1. Pendekatan tematik Kaedah: 1. Perbincangan Kemahiran mengajar:

		<p>mengikut bidang yang betul.</p> <p>4. Guru meminta murid untuk mengumpulkan jenis-jenis ikan dalam kumpulan yang sama untuk menguji kefahaman pelajar.</p>	<p>kumpulan ikan tersebut.</p> <p>4. Murid mengumpulkan jenis ikan dalam satu kumpulan mengikut warna yang telah disusun oleh guru.</p>	<p>1. Kemahiran penyoalan</p> <p>2. Kemahiran memberikan contoh</p> <p>BBM:</p> <p>Gambar</p> <p>Penerapan nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berani mencuba 2. Kemahiran komunikasi
Langkah 3 (10 minit)	<p>1.1 Mengenal pasti bidang akuakultur ternakan ikan</p> <p>1.1.4 Mengenal pasti bahagian luar ikan</p> <p>1.1.5 Mengenalpasti akuakultur tumbuhan aquatik</p>	<p>1.Guru menunjukkan gambar tumbuhan aquatik mengikut kategori</p> <ul style="list-style-type: none"> - terapung -tenggelam - termuncul - semi aquatik <p>2. Guru menulis nama-nama tumbuhan aquatik di papan putih kemudian meminta murid mengeja bersama-sama.</p> <p>3. Guru meminta murid menerangkan fungsi tumbuhan aquatik berdasarkan pengetahuan sedia ada murid.</p> <p>4. Guru menerangkan semula secara terperinci</p>	<p>1. Murid melihat gambar yang ditunjukkan oleh guru.</p> <p>2. Murid memerhati nama dan kategori tumbuhan yang ditulis oleh guru di papan putih.</p> <p>3. Murid mengeja bersama-sama guru tumbuhan aquatik berdasarkan kategori</p> <p>4. Murid memberi pendapat berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka tentang fungsi tumbuhan aquatik</p> <p>5. Murid memadankan gambar</p>	<p>Strategi:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Berpusatkan guru 2. Berpusatkan murid 3. Berpusatkan bahan <p>Kaedah:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbincangan <p>Kemahiran mengajar:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran menggunakan alat bantu mengajar- ilustrasi / papan tulis 2. Kemahiran menerang

		<p>fungsi dan kategori setiap tumbuhan akuatik.</p> <p>5. Guru meminta murid memadankan gambar dengan kategori yang betul di papan putih dan menerangkan semula fungsinya.</p>	<p>yang ditunjukkan oleh guru dengan kategori yang betul di papan tulis</p>	<p>BBM:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar 2. Papan tulis <p>Penerapan nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran komunikasi 2. Memberi tumpuan
Penutup (5minit)		<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru membahagi murid kepada dua kumpulan. 2. Guru membuat pertandingan memadankan kad perkataan dengan gambar tumbuhan akuatik mengikut kategori yang betul. 3. Kumpulan yang berjaya memadan semua kad perkataan dengan gambar tumbuhan akuatik dengan betul akan diumumkan sebagai pemenang. 4. Guru membuat rumusan ringkas tentang pengajaran yang telah diajarkan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid berada dalam kumpulan yang telah ditetapkan oleh guru. 2. Murid-murid memadan kad perkataan dengan gambar tumbuhan akuatik mengikut kategori 3. Murid menyemak jawapan bersama guru. 	<p>BBM :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kad perkataan. 2. Gambar tumbuhan akuatik. <p>Penerapan nilai:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kemahiran mengingat. 2. Kemahiran berkomunikasi. 3. Memberi tumpuan.

Refleksi:

RUJUKAN

Azim Md Rahim, M., & Hanafi Mohd Yassin, M. (2021). Tahap Pelaksanaan PDP Subjek Kemahiran Hidup Terhadap Murid Berkeperluan Khas Bermasalah Pembelajaran Di PPKI Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 243–252. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>

Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). *Elemen Merentas Kurikulum Keusahawanan* (Cetakan Kedua 2012 ed.). Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pengenalan Mengenai Pendidikan Khas Vokasional di Malaysia. (n.d.). Academia. Retrieved July 20, 2021, from
https://www.academia.edu/37829327/Pengenalan_Mengenai_Pendidikan_Khas_Vokasional_di_Malaysia

Zakaria, F. (n.d.). *Kemahiran-berfikir*. Academia. Retrieved July 20, 2021, from
<https://www.academia.edu/24445551/Kemahiran-berfikir>

----- TERIMA KASIH -----